



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA JULAI 2025

Inflasi Malaysia meningkat 1.2 peratus pada Julai 2025

PUTRAJAYA, 22 Ogos 2025 – Inflasi Malaysia meningkat 1.2 peratus pada Julai 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.7 berbanding 133.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini dipacu oleh kadar inflasi kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan yang meningkat kepada 5.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada bulan sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JULAI 2025**.

Peningkatan inflasi Malaysia turut didorong oleh kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.1 peratus (Jun 2025: 2.8%) dan Pengangkutan, 0.4 peratus (Jun 2025: 0.3%) yang meningkat lebih tinggi pada Julai 2025 berbanding bulan sebelumnya.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat lebih perlahan 1.9 peratus pada Julai 2025 berbanding 2.1 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh inflasi subkumpulan Makanan di luar rumah, 4.3 peratus (Jun 2025: 4.7%) dan Makanan di rumah yang menurun kepada negatif 0.3 peratus (Jun 2025: -0.4%).

Selain itu, kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 3.9 peratus (Jun 2025: 4.2%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.3 peratus (Jun 2025: 1.7%) turut menyederhana pada Julai 2025. Sementara itu, kumpulan Pendidikan (2.2%); Kesihatan (1.2%); Rekreasi, Sukan &

Kebudayaan (0.8%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.1%) kekal tidak berubah pada Julai 2025. Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 6.4 peratus dan negatif 0.2 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 58.3 peratus item (334 daripada 573) merekodkan kenaikan harga. Namun begitu, daripada jumlah tersebut, 322 item (96.4%) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 12 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Julai 2025. Baki sebanyak 189 item (33.0%) menunjukkan penurunan dan 50 item kekal tidak berubah.

Inflasi subkumpulan Makanan di rumah menurun kepada negatif 0.3 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: -0.4%). Ini disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan Sayur-sayuran; Susu, produk tenusu lain & telur; Daging; Bijirin & produk bijirin dan Buah-buahan & kacang. Namun begitu, beberapa kelas perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada Julai 2025 seperti Ikan & makanan laut lain; Minyak & lemak dan Gula, manisan & pencuci mulut.

Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran menurun kepada negatif 6.6 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: -7.2%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan penurunan adalah Tomato, negatif 22.1 peratus (Jun 2025: -20.6%); Kubis, negatif 13.3 peratus (Jun 2025: -13.0%); Petola, negatif 10.4 peratus (Jun 2025: -7.4%); Bunga kubis, negatif 9.4 peratus (Jun 2025: -10.7%); Sawi, negatif 9.0 peratus (Jun 2025: -15.9%) dan Peria, negatif 8.5 peratus (Jun 2025: -4.3%).

Kadar inflasi bagi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur kekal berada pada jajaran negatif, mencatatkan negatif 1.1 peratus pada Julai 2025 berbanding negatif 1.8 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh subkelas perbelanjaan Lain-lain susu & krim (-2.9%); Telur (-2.7%) dan Susu asli & susu yang dibancuh (-0.9%). Seiring dengan langkah penstrukturan semula subsidi telur ayam yang berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Ogos 2025, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyatakan bahawa pihak industri telah bersetuju untuk memperkenalkan Telur Gred Khas yang akan ditawarkan pada

harga yang lebih berpatutan. Ia sebagai inisiatif segera untuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam.

Selain itu, kelas perbelanjaan Daging turut menurun kepada negatif 0.9 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: -1.1%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging menurun kepada negatif 0.6 peratus, kadar yang sama direkodkan pada bulan Jun 2025. Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Julai 2025 adalah RM10.25 sekilogram berbanding RM10.35 sekilogram pada bulan Julai 2024 (Jun 2025: RM10.57). Manakala, purata harga Ayam standard di Semenanjung Malaysia bagi Julai 2025 adalah RM9.43 sekilogram berbanding RM9.53 sekilogram pada Julai 2024 (Jun 2025: RM9.86). Selain itu, penurunan kelas perbelanjaan Daging turut disumbangkan oleh Daging lembu tempatan dan Bahagian ayam yang kekal pada jajaran negatif, masing-masing mencatatkan negatif 4.2 peratus (Jun 2025: -3.7%) dan negatif 2.1 peratus (Jun 2025: -1.6%).

Sementara itu, subkumpulan Makanan di luar rumah menyederhana kepada 4.3 peratus berbanding 4.7 peratus pada Jun 2025. Antara item yang mencatatkan kenaikan perlahan pada Julai 2025 ialah Nasi babi panggang, 4.6 peratus (Jun 2025: 5.3%); Sate, 4.6 peratus (Jun 2025: 5.0%); Nasi putih, 3.5 peratus (Jun 2025: 4.1%); Sayur yang dimasak, 3.4 peratus (Jun 2025: 4.3%) dan Nasi goreng, 3.2 peratus (Jun 2025: 3.4%).

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 1.3 peratus berbanding 1.7 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh subkumpulan Elektrik, gas & bahan api yang menurun kepada negatif 3.4 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 0.0%). Penurunan pada subkumpulan ini adalah didorong oleh pelaksanaan jadual tarif baharu di bawah kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027. Sementara itu, subkumpulan Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman (4.7%); Sewa sebenar untuk kediaman (1.9%) dan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (0.5%) masing-masing meningkat pada kadar yang sama pada Julai 2025 seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Inflasi kumpulan Pengangkutan meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada Julai 2025, 0.4 peratus (Jun 2025: 0.3%). Ini didorong oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam yang mencatatkan peningkatan 1.5 peratus berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, inflasi bagi subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan barangan (2.0%); Pembelian kenderaan (0.5%) dan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian (0.3%) kekal pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya.

Kedua-dua inflasi bahan api Petrol tanpa plumbum RON97 dan Diesel masih kekal pada jajaran negatif iaitu negatif 7.8 peratus (Jun 2025: -10.4%) dan negatif 7.1 peratus (June 2025: -3.4%). Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Julai 2025 ialah RM3.20 seliter berbanding RM3.47 seliter pada Julai 2024 (Jun 2025: RM3.11). Sementara itu, purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.89 seliter berbanding RM3.35 seliter pada Julai 2024 (Jun 2025: RM2.78). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter.

Kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan mencatatkan peningkatan lebih tinggi pada 5.5 peratus pada Julai 2025 berbanding 1.5 peratus yang dicatatkan pada Jun 2025. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan oleh kenaikan item Caj premium insurans faedah hospital, 14.7 peratus (Jun 2025: 0.4%) dan Premium termasuk caj perkhidmatan insurans untuk motosikal/skuter, 1.8 peratus (Jun 2025: 1.3%). Di samping itu, kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan turut meningkat lebih tinggi pada kadar 3.1 peratus (Jun 2025: 2.8%). Ini disumbangkan oleh inflasi subkumpulan Perkhidmatan penyediaan minuman, 3.7 peratus (Jun 2025: 3.3%) dan Perkhidmatan penginapan, 1.0 peratus (Jun 2025: 0.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, 12 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.2 peratus dengan Kelantan merekodkan inflasi terendah (0.0%) pada Julai 2025. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (1.8%), Selangor (1.5%), Negeri Sembilan (1.4%) dan Melaka (1.3%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman kecuali Kelantan (-0.1%). Peningkatan ini

dicatatkan oleh Negeri Sembilan iaitu 3.3 peratus, diikuti oleh Selangor (2.9%), Wilayah Persekutuan Labuan (2.9%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.8%), Pahang (2.2%), Johor (2.1%), Terengganu (2.1%) dan Melaka (2.0%), manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional bagi Makanan & Minuman (1.9%) pada Julai 2025.

Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Julai 2025 berbanding Jun 2025. Peningkatan ini didorong oleh Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.6%), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.8%) dan Kesihatan (0.3%). Sementara itu, penurunan bagi beberapa kumpulan iaitu Maklumat & Komunikasi (-0.9%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (-0.4%) dan Makanan & Minuman (-0.1%) sedikit sebanyak mengekang kenaikan inflasi daripada meningkat lebih tinggi. Inflasi teras meningkat 1.8 peratus pada Julai 2025, kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (5.5%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.9%); Makanan & Minuman (3.5%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.1%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.2%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.2%), Indonesia (2.4%) dan Republic of Korea (2.1%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Philippines (0.9%), China (0.0%) dan Thailand (-0.7%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 22 Ogos 2025**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 OGOS 2025**


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 22 Ogos 2025

Carta 1 Inflasi Bulanan Malaysia, Januari 2011 – Julai 2025




Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Julai 2025

Carta 2 Inflasi Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Julai 2024 – Julai 2025




Carta 3 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Julai 2024 – Julai 2025




Carta 4

Inflasi Suku Tahunan Malaysia, ST1 2011 – ST2 2025




Carta 5

Inflasi Tahunan Malaysia, 2011 - 2024




Carta 6

Inflasi mengikut Kuadran, Jun 2025 & Julai 2025




Carta 7

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Jun 2025 & Julai 2025




Carta 8

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Julai 2024 – Julai 2025




Carta 9

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Jun 2025 & Julai 2025




Carta 10

Inflasi bagi Makanan & Minuman, Julai 2024 – Julai 2025



Carta 11

Inflasi mengikut Negeri, Jun 2025 & Julai 2025




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Jun 2025 | Julai 2025

Carta 12

Inflasi bagi Negara Terpilih, Julai 2024 – Julai 2025




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Jumaat, 22 Ogos 2025**


Carta 13

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (AS\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (AS\$/mt)




Jagung (AS\$/mt)




Daging (AS\$/kg)




Daging Ayam (AS\$/kg)




Kacang Soya (AS\$/mt)




Gandum (AS\$/mt)



Gula (AS\$/kg)



Minyak Kelapa (AS\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:


Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit

Carta 14

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia



Carta 15

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia

